



Malaysia kongsi pengalaman aspek perangkaan di forum ASEAN

10/12/2020 01:28 AM

PUTRAJAYA, 10 Dis -- Malaysia hari ini berkongsi amalan serta pengalaman terbaiknya membabitkan usaha penyusunan aspek Statistik Perdagangan Barangan Antarabangsa, Statistik Perdagangan Antarabangsa dalam Perkhidmatan dan Matlamat Pembangunan Mampan di acara Forum Peringkat Tertinggi Sistem Statistik Komuniti ASEAN (ACSS).

Acara tersebut diadakan berturutan dengan sesi jawatankuasa ACSS ke-10 (ACSS10) yang dianjurkan secara maya oleh pihak Pejabat Perangkaan Am Vietnam (SGO) selaku Pengerusi ACSS10 dan turut disertai oleh barisan ketua jabatan-jabatan perangkaan negara anggota ASEAN, termasuk Malaysia.

Perbincangan sesi ACSS10 menyentuh perkara utama selain persetujuan bagi usaha memperkukuh kerjasama perangkaan seperti Rangka Kerja Pelaksanaan Data Terbuka ACSS, Kerangka ASEAN-Bantu-ASEAN, keputusan Kajian Separuh Penggal Pelan Strategik ACSS 2016-2025 serta semakan semula Pelan Strategik ACSS 2021-2025.

Menurut kenyataan Jabatan Perangkaan, Malaysia telah berkongsi pengalaman dalam bentuk grafik video serta infografik di forum ACCS tersebut.

Antara perkara penting diketengahkan di ACSS10 adalah keupayaan Malaysia mencatat skor atau pemarkahan tertinggi dari segi kesediaan data terbuka dalam kalangan negara anggota ASEAN menerusi penilaian oleh pihak ASEANstats pada 2020.

"Malaysia juga sekali lagi diberi kepercayaan untuk menerajui Kumpulan Kerja Sistem Akaun Negara (WGSNA) 2021-2022," katanya.

Sementara itu, Jabatan Perangkaan berkata pandemik COVID-19 telah menyebabkannya meneliti semula pendekatan dalam pengumpulan data serta mekanisme komunikasi yang digunakan.

"Sejajar dengan norma baharu, Jabatan Perangkaan telah memanfaatkan platform digital serta teknologi sebagai antara inisiatif terbaik untuk mendapatkan perangkaan rasmi negara bagi membantu kerajaan dalam membuat keputusan yang berdasarkan bukti," katanya.

Berikutan itu, jabatan tersebut telah menjalankan tiga survei khas bagi mengukur impak COVID-19 terhadap individu dan syarikat serta mengeluarkan tujuh jilid Kajian Statistik Ekonomi Malaysia dan 223 siri pelbagai laporan yang menggambarkan perkembangan terkini aspek ekonomi dan sosial.

Jabatan Perangkaan juga telah mewujudkan sebuah laman khas yang memaparkan paparan interaktif mengenai COVID-19.

“Kesemua amalan terbaik ini turut dikongsi di platform antarabangsa seperti webinar, persidangan dan laman sesawang khas COVID-19 Suruhanjaya Ekonomi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Bagi Eropah (UNECE),” katanya.

-- BERNAMA

<https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1911081>